Selangor hormati Musa

Keriangan setiap wajah menyambut pemimpin negara

SENYUM menguntum di setiap wajah. Keriangan di setiap penjuru bandar Shah Alam. Suasana indah ini diabadikan sempena ketibaan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam dan isterinya, Datin Maria yang dalam rangka lawatan rasminya ke Selangor mulai kelmarin.

Suntingan senyum dua dara di sudut kanan foto ini pula memaparkan keriangannya. Sementara menara bangunan Dewan Undangan Negeri Selangor tersergam menjulang angkasa itu mencerminkan kecemerlangan Shah Alam di hari muka.

Arus gelombang dan serta derap tapak ribuan rakyat yang mengaluakan ketibaan Datuk Musa dan Datin Maria juga merupakan manifestasi sokongan dan kepercayaan mereka kepada kepemimpinan 2M— Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan Datuk Musa sendiri.

Beginilah keadaannya di setiap lawatan Perdana Menteri dan Timbalannya ke seluruh negara setakat ini. Dan satu perkara sungguh jelas dan tidak dapat dinafikan. Ribuan rakyat yang tabah menantikan ketibaan pemimpin mereka untuk bersua muka.

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia



■ ATAS:

KELMARIN di hari pertama lawatannya beliau diberi sambutan meriah. Ratusan pemuda dan wanita berdiri gagah memberi kehormat kepada pemimpin yang dikasihi.

Di pentas khas, Datuk Musa dan Datin Maria, bersama Datuk Hormat Rafei dan isteri, Datin Salimah, menyambut hormat tersebut.

■ KANAN:

TENTU ada sesuatu yang menggelikan hati menyebabkan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam, tidak dapat menahan ketawa ketika beliau melawat gerai pameran hasil tanaman projek Revolusi Hijau, di kilometer 48 Dengkil semalam.

Mungkin Datuk Musa (ketawa) bertemu dengan buah yang pernah disebutnya dalam ucapannya sebelum itu.

Terdahulu dari itu, ketika berucap beliau menyatakan kehairanannya kenapa timun orang Melayu kontot tetapi timun Cina besar dan panjang.

Beliau juga menyebut bahawa buah nenas dan pisang Jawa 'best', manakala buah Melayu selalunya kecut sahaja.

Ucapan beliau itu telah menggeletek hati lebih 4,000 orang yang hadir di majlis sambutan Revolusi Hijau yang diadakan sempena lawatan beliau ke Selangor selama dua hari yang berakhir semalam.